



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 9 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Ubah suai tangki kereta seludup petrol

TUMPAT: Cubaan seorang lelaki untuk menyeludup 125 liter minyak petrol menggunakan tangki kereta jenis Perodua Kenari tidak kesampaian apabila dia dicekup anggota penguat kuasa semalam dalam serbuan di Jalan Chabang Empat-Bunohan berhampiran Kampung Telaga Bata, di sini semalam.

Suspek berusia 20 tahun itu dicekup sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup Negeri Kelantan (KPDN) bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 3 Pengkalan Kubor pada pukul 3.40 petang.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, terdahulu anggota bertugas telah melihat suspek membuat pengisian secara berulang di beberapa buah stesen minyak di sekitar Pasir Pekan.

Menurutnya, anggota bertugas kemudian telah bertindak mengekori kereta tersebut dan menahaninya di Kampung Telaga Bata.

"Pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan bahan api itu di dalam tangki tambahan yang telah diubah suai untuk tujuan penyeludupan," katanya.



ANGGOTA KPDN menunjukkan sambungan ke sebuah lori tangki yang dikesan di sebuah premis di Seri Manjung kelmarin.

KPDN serbu premis seleweng barang bersubsidi

Leka angkut minyak diesel RM1.7 juta

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

MANJUNG — Sebuah premis yang melakukan penyelewengan minyak diesel melalui aktiviti bunkering diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak di Kampung Baru Lumut di Seri Manjung di sini kelmarin.

Nilai sita rampasan keseluruhan bermilai RM1.7 juta.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, operasi yang dilaksanakan kiranya-kira pukul 12.30 tengah hari itu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Penguatan Kuasa KPDN Perak Cawangan Manjung dengan bantuan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung setelah risikan selama dua minggu terhadap kegiatan tersebut dilakukan.

Beliau berkata, ketika serbuan dilakukan di premis terbabit, ditemui sebuah lori tangki sedang memindahkan cecair yang disyaki minyak diesel ke atas sebuah bot penunda (tugboat).

"Siasatan awal mendapat bot penunda tersebut adalah dimiliki oleh sebuah syarikat pemegang lesen runcit bunkering yang masih sah tempoh dan beralamat di Manjung, Perak dan lori tangki pula dimiliki oleh sebuah syarikat pembekal minyak yang mempunyai lesen borong diesel yang masih sah tempoh beralamat di Selangor.

Kamalludin dalam satu kenyataan, berkata, pihak KPDN percaya sindiket itu cuba memalsukan rekod transaksi sumber minyak diesel diperolehi untuk mengaburi pihak berkuasa melalui pernyataan dan dokumen

yang telah disita.

Kata beliau, pernyataan minyak kegunaan industri itu didapati adalah berbeza dengan minyak diesel yang digunakan oleh bot penunda sebagai bahan bakar.

Bahkan, ujarnya, minyak diesel tersebut disyaki diperolehi daripada sumber bersubsidi yang telah dicampurkan dengan minyak komersial dan dikumpulkan daripada pelbagai sumber seperti stesen minyak, minyak nelayan dan lain-lain.

"Rampasan keseluruhan dianggarkan bermilai RM1,761,287.

"Empat orang lelaki tempatan yang mengaku sebagai pemandu lori berusia 33 tahun, kelindan lori, 36, penyelia bot penunda, 25, dan ejen syarikat, 24, yang turut berada di tempat kejadian telah ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

Lumut: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak menumpaskan sindiket penyelewengan diesel selepas menyerbu premis menjalankan aktiviti mengisi semula (*bunkering*) di Kampung Baru Lumut di sini, kelmarin membabitkan rampasan lebih RM1.7 juta.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata, kejayaan operasi yang dilakukan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada jam 12.30 tengah hari itu adalah hasil risikan selama dua minggu.

Menurutnya, ketika serbuan dilakukan pihaknya meneroka sebuah lori tangki sedang memindahkan cecair yang disyaki diesel ke atas sebuah bot penunda.

"Siasatan awal mendapati bot penunda berkenaan dimiliki oleh syarikat pemegang lesen runcit mengisi semula yang ma-

Lori tangki kantoi pindahkan diesel ke bot penunda



PEMERIKSAAN KPDN dan PDRM mendapati sindiket penyelewengan diesel bersembunyi di sebalik aktiviti *bunkering* iaitu memindahkan diesel daripada lori tangki ke bot penunda di Kampung Baru Lumut.

sih sah tempoh dan beralamat di Manjung, Perak, manakala lori tangki pula dimiliki oleh syarikat pembekal minyak yang mempunyai lesen borong diesel yang masih sah tempoh beralamat di Selangor.

"Hasil pemeriksaan lanjut dan semakan awal ke atas dokumen pembelian dan penjualan, mendapati terdapat transaksi mencurigakan dan disyaki palsu kerana ditemui transaksi yang berbeza dengan rekod yang diperoleh dari-

pada syarikat pembekal minyak.

"Pihak KPDN percaya sindiket ini cuba memalsukan rekod transaksi sumber minyak diesel yang diperolehi untuk mengaburi pihak berkuasa melalui penyataan dan do-

kumen yang sudah disita," katanya dalam kenyataan semalam.

Kamalludin berkata, pernyataan minyak kegunaan industri itu didapati berbeza dengan minyak diesel yang digunakan oleh bot penunda sebagai bahan bakar.

Oleh yang demikian, beliau berkata, minyak diesel itu disyaki diperolehi daripada sumber bersubsidi yang dicampurkan dengan minyak komersial dan dikumpulkan dari pelbagai sumber seperti stesen minyak, minyak nelayan dan lain-lain.

"Melalui arahan pengisytiharan stok dan mengemukakan dokumen mengikut Seksyen 8 Akta

Kawalan Bekalan 1961 terhadap kedua-dua syarikat, KPDN bertindak menyita sebanyak 60,429 liter cecair yang disyaki minyak diesel berada di dalam lori tangki dan bot penunda terbabit dengan nilai rampasan keseluruhan mencapai RM1.7 juta.

"KPDN turut menahan empat lelaki warga tempatan berusia antara 24 hingga 36 tahun yang mengaku sebagai pemandu lori, kelindan lori, penyelia bot penunda dan ejen syarikat yang berada di tempat kejadian untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

KPDN percaya sindiket ini cuba memalsukan rekod transaksi sumber minyak diesel
Kamalludin

Kenari diubah suai masuk jerat KPDN

TUMPAT - Tindakan seorang penyeludup mengubah suai tangki minyak kereta jenis Perodua Kenari untuk mengisi petrol berjaya dikesan oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan pada Ahad.

Dalam kejadian jam 3.40 petang di Telaga Bata, Jalan Chabang Empat Bunohan itu, pihak KPDN menyita sejumlah 125 liter minyak petrol.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, turut ditahan ialah seorang lelaki berumur 20-an.

"Siasatan awal mendapati suspek mengaku membuat pembelian dan pengisian ke dalam tangki ubah suai kenderaanya secara berulang di beberapa stesen minyak sekitar Pasir Pekan.

"Barang kawalan tersebut akan dibawa ke pangkalan haram sebelum diseludup ke negara jiran," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Menurut beliau, kes itu disiasat bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ujarnya, kejayaan itu adalah hasil Ops Tiris yang dilakukan di sempadan negara sekitar Kota Bharu-Tumpat.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Pengguna ada lebih banyak peluang failkan aduan

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Lemon Law di Malaysia akan melindungi pengguna daripada penipuan dan kerrosakan produk yang dijual, kata Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah.

Beliau berkata, di bawah Lemon Law, peniaga bertanggungjawab untuk membekali, menggantikan, membayar balik atau menurunkan harga produk yang didapati rosak.

"Lemon Law blasanya merangkumi semua produk pengguna membabitkan kereta bermotor, peralatan rumah, perabot, peranti digital dan banyak lagi.

"Ia akan terpakai kepada mana-mana peniaga yang menjual produk pengguna di Malaysia,"

katanya kepada *BH*.

Merujuk kepada sektor automotif, Saravanan berkata, Lemon Law memberi pembeli kereta hak menerima bayaran balik atau kereta baharu jika kenderaan dibeli mengalami kecatahan serius atau menghadapi masalah mekanikal.

Menerusi Lemon Law, katanya, pengeluar kenderaan dikehendaki membaiki kenderaan dan jika ia tidak dapat berbuat demikian selepas beberapa percubaan munasabah, ia mesti sama ada menggantikan kenderaan itu atau membayar balik harga pembelian.

"Pelanggan boleh memulangkan produk rosak dan meminta penggantian daripada penjualnya seperti pengurangan harga.

Recall Law, Lemon Law jaga hak pembeli keret



Keratan akbar BH semalam.

"Pilihan lain termasuk bayaran balik penuh wang yang dibayar pembalikan atau penggantian produk rosak dalam tempoh masa yang munasabah.

"Sebagai contoh, jika produk dibeli mengalami kegagalan atau rosak dalam tempoh enam bulan, anda boleh menggunakan Lemon Law untuk pembalikan atau penggantian.

"Undang-undang ini akan me-

rangkumi penjelasan mengenai 'waranti rahsia,' panggilan semula kenderaan dalam konteks pembelian dan pemilikan kenderaan," katanya.

Pernah disuarakan FOMCA

Beliau menegaskan, Lemon Law sudah disuarakan FOMCA sejak 2007 sebelum Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) yang sebelum ini dikenali Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diterajui bekas menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, meneliti perkara itu.

"Dengan undang-undang ini, pengguna akan memiliki lebih banyak peluang untuk memfailkan aduan.

"Buat masa ini, pengguna tidak dilindungi jika mereka membeli kereta baharu atau terpakai dengan kecacatan besar," katanya.

Pada Ogos 2022, KPDNHEP dilaporkan sedang meneliti perambahbaikan undang-undang jual beli, termasuk cadangan memperkenalkan Lemon Law.

Ia dibangkitkan semula selepas seorang pemilik Perodua Bezza, S Nagakanni yang mendakwa kereta dibelinya pada Oktober lalu rosak tidak sampai lapan jam selepas dibeli, baru-baru ini memaklumkan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) bersetuju untuk membeli semula keretanya dengan harga penuh selepas beberapa bulan menunggu penyelesaian.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Tidak audit 39,000 lesen padi, beras

Dari muka 1

"Ada beberapa tender kerajaan yang menggunakan beras tempatan untuk memberikan bantuan dan sebagaimana contohnya seperti zakat, yang menjadikan stok beras tempatan di pasaran ketika ini kurang.

"Peniaga juga sering memborong dan menggunakan beras tempatan untuk jualan perniagaan menyebabkan stok beras tempatan sedikit terhad dan sebab itu kita sedang usahakan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)," katanya.

Kata beliau, program SMART SBB akan diperluaskan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan bekalan beras negara.

"Menerusi SMART SBB kita jangka Malaysia boleh meningkatkan hasil beras tempatan kerana penanaman padi lebih sistematis dan mampu menghasilkan beras lebih tinggi bagi setiap hektar sawah," kata beliau.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan KPKM mengeluarkan 39,000 pelbagai lesen seperti borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi.

Sementara itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) digesa menyalasat segera 39,000 pemegang lesen berkaitan padi dan beras bagi memastikan ketelusan serta mengesahkan semua aktiviti mereka tidak melanggar mana-mana syarat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata, penafian KPKM terhadap kewujudan



FOMCA berpandangan bahawa sudah tiba masanya MyCC melakukan intervensi dalam isu ini seperti yang dilakukannya ketika membongkar kewujudan kartel dalam industri ayam."

kartel atau 'mafia' yang menentukan harga padi, beras dan benih padi tidak cukup untuk menyelesaikan masalah pengeluaran serta bekalan beras tempatan di negara.

Katanya, beras tempatan sepatutnya merangkumi 68 peratus daripada keseluruhan beras di pasaran namun saban hari pihaknya menerima aduan bahawa makanan ruji tersebut sukar diperoleh di pasar raya dan lain-lain premis.

"FOMCA berpandangan sudah tiba masanya MyCC melakukan intervensi dalam isu ini seperti yang dilakukannya ketika membongkar kewujudan kartel dalam industri ayam. Mereka ada kuasa untuk menentukan wujud atau tidak kartel mahu pun monopolii dalam industri beras tempatan

"Siasatan terhadap semua pemegang lesen berkaitan padi dan beras dapat menentukan sama ada lesen itu benar-benar diguna mengikut kelulusannya, tiada ketirisan atau meng-

alibabakan permit," katanya.

Terdahulu, akbar ini, mendakwa mengenai kewujudan 'kartel' yang menekan nasib pesawah dan Gabungan Pengilang Beras Malaysia membuat dakwaan bahawa ada kartel yang dimonopoli empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

Kartel itu juga dikatakan memonopoli lebih 60 peratus pengeluaran beras negara namun KPKM menafikan dakwaan kewujudan kartel atau mafia yang dikatakan bertindak menentukan harga padi di negara ini sambil memaklumkan sebanyak 39,000 lesen pelbagai jenis dikeluarkan dalam industri tersebut.

Katanya, antara lesen yang dikeluarkan meliputi Lesen Borong Beras, Lesen Eksport, Lesen Import, Lesen Kilang Padi, Lesen Membeli Padi, Lesen Beras Runcit, dan Kelulusan Khas Menjual Benih Padi bagi benih padi sah (BPS).

Susulan itu, semalam akbar ini melalui laporan muka depan menggesa kerajaan melalui KPKM untuk mengaudit kesemua 39,000 lesen dan permit yang sudah dikeluarkan kepada pemain industri beras negara bagi mengenalpasti punca gangguan bekalan makanan ruji tersebut.

Pemegang permit berkaitan industri beras juga harus menghantar penyata kewajinan untuk menunjukkan jumlah aktiviti yang dilakukan dan ia harus diaudit bagi mengelak mereka mengalibabakan permit diberikan kerajaan.

Malaysia perlukan 1.8 juta tan beras dan bukan 39,000 pelbagai lesen. Lesen tidak menjamin keterjaminan makanan.

Usah sembarang guna harta intelek jana perniagaan



Oleh Dr Muhamad Helmi Muhamad Khalil
bhrencana@bh.com.my

Perisyrar Kanan,
Fakulti
Undang-undang,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Shah Alam

Mutakhir ini, berita mengenai penciplakan harta intelek kerap menjadi perbualan dalam masyarakat dan dibahaskan warga umum. Sifat kes ini pula pelbagai, bermula daripada penggunaan cap dagang dan hak cipta milik usahawan dengan tanpa kebenaran serta penciplakan reka bentuk produk masih dilindungi undang-undang harta intelek.

Faktor menyumbang ke arah peningkatan kes seperti ini masih menimbulkan persoalan, namun keberanian sesetengah pihak melakukan kegiatan sedemikian harusnya ditegur secara terbuka.

Harta intelek adalah produk terhasil daripada aktiviti kreativiti dan penyelidikan. Menurut ahli pemikir seperti John Locke dalam penerangan berjudul *Labour Theory*, perlindungan terhadap komponen dan produk itu perlu diberikan atas sebab usaha, masa dan kos dikeluarkan seorang untuk menghasilkannya.

Justeru, undang-undang digubal untuk memberikan perlindungan terhadap aspek berkaitan dalam sesuatu produk. Contohnya, Akta Hak Cipta 1987 melindungi karya kreatif seperti novel, filem, gambar, arca dan lagu. Akta Cap Dagangan 2019 melindungi logo atau simbol digunakan dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan. Akta Paten 1983 pula memberikan perlindungan terhadap produk inovasi baru.

Perumpamaan sama seperti pemilik rumah. Pemilik harta intelek juga mempunyai hak untuk menentukan bagaimana asetnya boleh digunakan mana-mana pihak, disamping menyekat sebarang usaha ingin mengambil kesempatan daripada ke-

adaannya dengan tanpa kebenaran.

Misalnya dalam perihal pemakaian tanpa izin cap dagang seseorang yang berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Kekelebihuan terhadap sumber sebenar produk dalam pasaran boleh berlaku dan mendatangkan pelbagai masalah termasuk dari sudut kualiti dan keselamatan produk dibeli pengguna.

Dapatkan nasihat mengenai harta intelek

Maka, penggunaan tanpa kebenaran harta intelek harus disebat dan perlu dibendung. Orang ramai perlu tahu undang-undang tidak pernah menyekat orang awam melakukan sebarang aktiviti dalam perdagangan dan perniagaan, tetapi ia perlu dilakukan mengikut cara yang betul, bukan dengan melanggar hak seseorang secara sembarangan.

Dalam hal ini, masyarakat perlu mendapatkan

nasihat mengenai harta intelek dari sumber yang betul seperti MyIPO, ahli akademik dan pengamal undang-undang lapangan ini. Andai wujud kerugian, rujuk pada yang pakar kerana undang-undang berkaitan harta intelek bersifat khusus dan merlukan takrifkan tepat.

Sekiranya maklumat diberikan sesetengah pihak yang bukan dalam bidangnya tidak bertepatan dengan kehendak undang-undang, sekali gus men dedahkan orang lain terhadap risiko perundangan pula. Sudah tentu itu bukan satu episod ingin di tempuh masyarakat kerana perlu menanggung kos dan masa untuk mempertahankan sesuatu kes se kiranya disaman.

Ketahuilah, harga perlu dibayar kerana bersikap sombang dan tidak endah terhadap hak seseorang terutama dalam isu hak cipta itu sebenarnya jauh lebih mahal dan pedih.



Usahawan perlu pastikan produk yang dihasilkan mempunyai cap dagang bagi menyekat sebarang usaha ingin mengambil kesempatan tanpa kebenaran.
(Foto hiasan)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 JANUARI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	https://worldofbuzz.com/viral-seafood-restaurant-in-perak-charges-rm75-for-an-ikan-siakap-kpdn-pays-a-visit-to-investigate/	WORLD OF BUZZ
9-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	https://thesun.my/local_news/seafood-outlets-in-teluk-nipah-raided-by-kpdn-over-claims-of-overpricing-NM11955855	THESUN
9-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	https://malaysiaga-zette.com/2024/01/08/kpdn-serbu-kedai-siakap-mahal-di-pangkor-dua-pelajar-ditahan-kes-buang-bayi-mgflash/	MALAYSIA GA-ZETTE
9-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	https://lobakmerah.com/bagi-harga-ikut-berat-tapi-tak-timbang-kpdn-serbu-kedai-seafood-mahal-di-pulau-pangkor/	LOBAK MERAH
9-Jan	PENYELUDUPAN DIESEL	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenari-masuk-jerat-kpdn-453122	ASTRO AWANI
9-Jan	PENYELUDUPAN DIESEL	https://www.sinarharian.com.my/article/643195/berita/semasa/kenari-masuk-jerat-kpdn	SINAR HARIAN
9-Jan	PENYELEWENGAN DIESEL	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048341/sindiket-seleweng-diesel-tumpas-nilai-rampasan-rm17-juta	HARIAN METRO
9-Jan	PENYELEWENGAN DIESEL	https://www.kosmo.com.my/2024/01/08/premis-seleweng-minyak-diesel-bersubsidi-diserbu-nilai-sitaan-cecah-rm1-7-juta/	KOSMO

9-Jan	PENYELEWENGAN DIESEL	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/08/ministry-seized-rm17mil-worth-of-subsidised-diesel-and-arrested-four-in-perak	THESTAR
9-Jan	SERAGAM HARGA BARANG	https://www.suarakeadilan.my/post/kpdn-peruntukkan-rm255-juta-seragam-harga-barang-di-pedalaman	SUARA KEADILAN
9-Jan	SERAGAM HARGA BARANG	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/kerajaan-peruntukkan-rm225-juta-edar-barang-perlu-dienam-negeri/	UTUSAN MALAYSIA
9-Jan	UBAT BATUK TIRUAN	https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/01/08/hasilkan-ubat-batuk-tiruan-kpdn-serbu-premis-simpan-bahan-mentah/	MAJLIS KESELA-MATAN NEGARA
9-Jan	HAK PEMBELI KERETA	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2024/01/1197499/recall-law-lemon-law-iaga-hak-pembeli-kereta	BERITA HARIAN
9-Jan	DIESEL SUBSIDI BERNILAI LEBIH RM1.7 JUTA	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/60429-diesel-subsidi-bernilai-lebih-rm17-juta-dirampas-empat-ditahan-453175	ASTRO AWANI
9-Jan	DIESEL SUBSIDI BERNILAI LEBIH RM1.7 JUTA	https://thesun.my/cerita/60429-diesel-subsidi-bernilai-lebih-rm17-juta-dirampas-empat-ditahan-LM11959714#google_vignette	THESUN
9-Jan	DIESEL SUBSIDI BERNILAI LEBIH RM1.7 JUTA	https://newswav.com/article/60-429-diesel-subsidi-bernilai-lebih-rm1-7-juta-dirampas-empat-ditahan-A2401_y9KL2t	NEWSWAV
9-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2024/01/08/restoran-seafood-cekik-darah-di-pulau-pangkor-kena-serbu-2/	SINAR HARIAN
9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2024/01/08/cap-gesa-fama-kpdn-siasat-harga-bawang-merah-india/	SINAR HARIAN

9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://www.kosmo.com.my/2024/01/08/harga-bawang-import-	KOSMO
9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://luminews.my/news/1878341	MY
9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/cap-dakwa-harga-bawang-naik-100-peratus-gesa-kerajaan-bertindak/	UTUSAN MALAYSIA
9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197751/kpdn-wajar-pantau-segera-kenaikan-mendadak-harga-bawang-india	BERITA HARIAN
9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://www.sinarharian.com.my/article/643303/edisi/utara/cap-gesa-fama-kpdn-siasat-harga-bawang	SINAR HARIAN
9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://malaysiagazette.com/2024/01/08/cap-dakwa-harga-bawang-dari-india-naik-100-peratus/	MALAYSIA GAZETTE
9-Jan	HARGA BAWANG NAIK	https://newswav.com/article/cap-gesa-fama-kpdn-siasat-harga-bawang-A2401_TpZbuJ	NEWSWAV
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://themalaytribune.com/kartel-beras-kpkp-sedia-audit-39000-pemegang-lesen/	MALAYSIA TRIBUNE
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://suara.tv/08/01/2024/isu-kartel-kpkm-sedia-audit-39000-pemegang-lesen-borong-beras-mohamad-sabu/	SUARA TV

9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.malay.news/isu-kartel-kpkm-sedia-audit-39000-pemegang-lesen-borong-beras/	MALAYNEWS
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/479347	MALAYSIAN INSIGHT
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://malaysiagazette.com/2024/01/08/isu-kartel-kpkm-sedia-audit-39000-pemegang-lesen-borong-beras/#google_vignette	MALAYSIA GAZETTE
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://themalaytribune.com/isu-kartel-kpkm-sedia-audit-39000-pemegang-lesen-borong-beras/	THE MALAY TRIBUNE
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-kartel-kpkm-sedia-audit-39000-pemegang-lesen-borong-beras-453190	ASTRO AWANI
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.theedgemalaysia.com/node/696627	THE EDGE MALAYSIA
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.klsescreener.com/v2/news/view/1259475/Go%20vt%20audit%20lic%20holders%20in%20rice%20and%20paddy%20industry%20to%20address%20cartel%20issues%20says%20Mat%20Sabu	KLSESCREENER
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2260579	BERNAMA
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048471/kartel-beras-kpkp-sedia-audit-39000-pemegang-lesen	HARIAN METRO
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://selangorkini.my/2024/01/banteras-kartel-industri-beras-kerajaan-sedia-audit-pemegang-lesen/	SELANGORKINI
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://thesun.my/cerita/isu-kartel-kpkm-sedia-audit-39000-pemegang-lesen-borong-beras-OP11960529	THESUN
9-Jan	LESEN BORONG BERAS	https://www.getaran.my/artikel/semasa/55694/isu-kartel-kpkm-sedia-audit-39000-pemegang-lesen-borong-beras	GETARAN